

SENARAI PIHAK-PIHAK BERKEPENTINGAN

BAHAGIAN / NEGERI / CAWANGAN / UNIT / ZON / BALAI : BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT TAIPING

BIL	PIHAK BERKEPENTINGAN	KEPERLUAN	JANGKAAN
1	Pegawai Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah Larut Matang dan Selama	Menyelaras mesyuarat peringkat daerah dan mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Peringkat Daerah jika melibatkan bencana yang besar.	Mengumpul semua Jabatan-Jabatan yang berkaitan untuk diatugerakkan mengikut keperluan dan fungsi Jabatan berkaitan semasa berlakunya apa-apa bencana menurut MKN 20.
2	Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping	Membantu mengenalpasti lokasi dan penempatan yang berisiko terdedah kepada bahaya bencana dalam Kawasan Daerah Taiping.	Menyenaraikan premis-premis atau lokasi strategik untuk pusat pemindahan mangsa / penempatan mangsa yang ramai dan lokasi yang strategic dan selamat untuk penghantaran segala bentuk bantuan yang diperlukan sekiranya berlaku bencana.
3	Ketua Polis Daerah, Ibu Pejabat Polis Daerah Taiping	Membantu dan memastikan keselamatan operasi dengan mengawal dan memastikan keselamatan orang awam.	Memastikan keadaan di lokasi berlakunya bencana atau risiko dalam keadaan terkawal dan memastikan orang awam mengikut arahan semasa sekiranya berlaku sebarang bencana atau risiko.
4	Pegawai Daerah, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Daerah Taiping	Membantu Pasukan Penyelamat dalam sebarang situasi bencana atau risiko yang berlaku.	Menyediakan anggota penyelamat untuk membantu operasi penyelamatan dan memberikan perawatan kepada mangsa dalam sesuatu bencana atau risiko yang berlaku.
5	Jurutera Daerah, Jabatan Kerja Raya Daerah Larut Matang dan Selama	Menyediakan khidmat nasihat dan kepakaran dalam mengenalpasti kemerbahayaan yang mungkin wujud di lokasi bencana dan kawasan yang berisiko mengikut kepakaran JKR.	Sekiranya berlaku kemerbahayaan yang mungkin wujud seperti bangunan, jambatan, jalanraya dan sebagainya apabila berlaku bencana dan risiko kemerbahayaan.

BIL	PIHAK BERKEPENTINGAN	KEPERLUAN	JANGKAAN
6	Pengurus, Lembaga Air Perak Cawangan Wilayah Daerah Utara	Menyediakan khidmat bekalan air sekiranya berlaku kebakaran besar dengan meningkatkan tekanan air bagi kegunaan pihak Bomba semasa berlakunya bencana di kawasan yang berisiko. Juga menyediakan khidmat penghantaran air yang bersih sekiranya berlaku bencana yang melibatkan teputusnya bekalan air dikawasan bencana dan berisiko.	Sekiranya berlaku bencana besar yang melibatkan keperluan bekalan air, Pihak LAP akan menghantar bekalan air ke kawasan yang berisiko berlakunya bencana dan membantu menyediakan anggota secara 24 jam terutamanya bila berlaku kebakaran besar di waktu malam.
7	Jurutera Daerah, Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Larut Matang dan Selama	Menyediakan khidmat nasihat dan kepakaran Jabatan terutamanya apabila berlaku risiko dan bencana besar melibatkan pengairan dan saliran	Menghantar keanggotaan yang pakar dalam bidang Jabatan dan membantu untuk memberikan pandangan serta tenaga kerja di kawasan yang berakunya bencana dan risiko yang boleh mewujudkan kemerbahayaan terutamanya ketika berlaku kadar kenaikan paras air dan banjir besar.
8	Pegawai Penerangan, Jabatan Penerangan Daerah Larut Matang dan Selama	Memberikan khidmat nasihat kepada orang ramai terutamanya apabila berlaku sesuatu bencana dan risiko kemerbahayaan di sesuatu kawasan.	Membuat hebahan dan pemakluman kepada penduduk setempat sama ada melalui media massa atau media cetak mahupun media elektronik mengenai risiko dan bencana yang berlaku untuk peringatan dan keselamatan serta kesedaran kepada orang awam.
9	Pegawai Pendidikan Daerah, Pejabat Pendidikan Daerah Larut Matang dan Selama	Memberikan khidmat nasihat kepada pelajar-pelajar berkaitan risiko berlakunya bencana sebagai pembelajaran dan ilmu pengetahuan dikalangan pelajar dan Guru-Guru di Sekolah.	Menyelaraskan aktiviti persekolahan semasa berlakunya bencana yang mungkin wujudnya risiko kemerbahayaan kepada pelajar Sekolah. Menyediakan Pusat Pemindahan Mangsa sekiranya berlaku bencana. Menyediakan pusat peperiksaan yang selamat dan selesa untuk pelajar sekiranya risiko bencana berlaku pada musim peperiksaan.

BIL	PIHAK BERKEPENTINGAN	KEPERLUAN	JANGKAAN
10	Pegawai Kesihatan Daerah, Pejabat Kesihatan Daerah Larut Matang dan Selama	Memberikan perkhidmatan kesihatan / ambulan dan keperluan perubatan kepada mangsa-mangsa yang terlibat dalam bencana yang berisiko besar.	Menyediakan keanggotaan dan kepakaran serta kelengkapan dan perubatan yang mencukupi semasa berlakunya bencana besar disuatu kawasan dan bersedia sepanjang masa di pusat penempatan mangsa yang terlibat dalam bencana.
11	Pegawai TNB, Tenaga Nasional Berhad Daerah Taiping	Memberikan khidmat bekalan elektrik di kawasan berlakunya bencana sekiranya bekalan terputus dikawasan berlakunya bencana	Menyediakan pasukan bertugas 24 jam semasa berlaku bencana dan menyediakan khidmat bekalan tenaga bergerak dilokasi yang berlaku bencana kerana bekalan utama tidak dapat diberikan disebabkan kemungkinan berlaku kerosakan peralatan di kawasan tersebut semasa berlakunya bencana.

Nota :

DISEDIAKAN OLEH : PBK II IZUAN BIN CHE IBRAHIM

TANDATANGAN :

TARIKH :

13.1.2021



DISAHKAN OLEH : PKPgB RAFEEL BIN HAIRUL RICHARD

TANDATANGAN :

TARIKH :

14.1.2021

